

## GANGGUAN SEKSUAL TERHADAP WANITA:

### Undang-Undang dan Mangsa

Oleh: **Hazlina Mohd Padil**

Gangguan seksual merupakan satu bentuk gangguan yang selalunya dilakukan terhadap wanita dan ianya merupakan gangguan secara fizikal, lisan, isyarat, visual atau psikologi. Apa yang dikategorikan sebagai gangguan seksual tidak dijelaskan secara menyeluruh di dalam mana-mana undang-undang.

Gangguan seksual boleh berlaku di mana sahaja seperti di kolam renang di mana perenang atau pengguna kolam renang diganggu kerana berpakaian renang. Usikan menggunakan perkataan seperti “seksi”, “darling”, “hot” juga boleh menjadi gangguan seksual kepada mangsa. Desakan, rayuan atau apa-apa komunikasi yang berulang-ulang sehingga mangsa berasa tidak selesa juga boleh dikatakan gangguan seksual. Maksud ‘gangguan seksual’ terlalu subjektif kerana ianya bergantung kepada bentuk gangguan itu sendiri.

Pelaku gangguan seksual mungkin merasakan perbuatannya adalah gurauan, namun sebaliknya ia adalah merupakan gangguan seksual kepada mangsa. Apabila mangsa berasa tidak selesa dengan usikan seksual oleh pelaku di sinilah bermulanya gangguan seksual. Walau bagaimanapun tiada undang-undang jelas mengenai apa itu gangguan seksual. Pada masa ini hanya terdapat beberapa peruntukan di dalam akta tertentu yang menyentuh perkara meliputi gangguan seksual tetapi bukan akta gangguan seksual secara menyeluruh.

Sebagai contoh, **Akta Kerja 1955** mentakrifkan gangguan seksual atau sexual harassment sebagai “any unwanted conduct of sexual nature, whether verbal, non-verbal, visual gestural or physical, directed at a person which is offensive or humiliating or is a threat to his well-being, arising out of and in the course of his employment”.

Definisi di dalam **Akta Kerja 1955** tersebut adalah umum tetapi pemakaiannya adalah terhad kepada **Akta Kerja 1955** bagi pekerja berpendapatan RM2,000 ke bawah di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain **Akta Kerja 1955**, terdapat beberapa Akta seperti **Akta Perhubungan Industri 1967**, **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994** dan **Kanun Keseksaan** yang mempunyai peruntukan berkaitan gangguan seksual. Walau bagaimanapun akta-akta tersebut tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya untuk kesemua bentuk gangguan seksual kerana pemakaian akta-akta tersebut adalah khusus kepada situasi tertentu seperti di tempat kerja.

Manakala **Kanun Keseksaan** yang memperuntukkan isu mengenai gangguan seksual hanyalah di bawah **Seksyen 354** dan **Seksyen 509**. **Seksyen 354** menyebut, “Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, dengan niat hendak mencabul atau dengan mengetahui mungkin bahawa ia akan dengan jalan demikian itu mencabul kehormatan orang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat, atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu”.

**Seksyen 509 Kanun Keseksaan** pula menyebut, “Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, dengan maksud hendak mencabul atau dengan mengetahui mungkin bahawa ia akan dengan jalan demikian itu mencabul kehormatan orang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat, atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu”.

Kedua-dua **Seksyen 354** dan **Seksyen 509 Kanun Keseksaan** jelas menyebut mengenai kekerasan jenayah, yang mana “jenayah” itu sendiri perlulah dibuktikan.

Di dalam kes **Abdul Majid bin Ahmad v. Pendakwa Raya [2018] MLJU 994**, pelaku, seorang guru dituduh di bawah **Seksyen 354 Kanun Keseksaan** kerana melakukan kekerasan jenayah dengan niat hendak mencabul kehormatan dengan meraba mangsa. Mahkamah memutuskan



kan tertuduh bersalah kerana tindakan tertuduh meletakkan tangan di atas peha seseorang lebih-lebih lagi berhampiran dengan kemaluan bukanlah satu perbuatan yang boleh dianggap biasa sahaja kerana ianya bertentangan dengan adab dan nilai kesopanan sebagai seseorang yang beragama Islam dan berbangsa Melayu.

Beban pembuktian bagi jenayah di bawah **Seksyen 354** dan **Seksyen 509** tersebut adalah berat dan ia akan menjadi begitu sukar kepada mangsa sekiranya gangguan seksual itu bukanlah jenayah tetapi bersifat gangguan yang mengganggu emosi. Oleh itu, **Kanun Keseksaan** tidak begitu sesuai bagi semua bentuk gangguan seksual dan ianya membuatkan mangsa menghadapi masalah dalam mendapatkan keadilan. Malahan prosedur undang-undang yang begitu rumit mungkin tidak dibuat oleh pelaku kepada mangsa.

Sebagai contoh, kata-kata usikan seperti “hendak ke mana tu?” disusuli dengan layangan ciuman oleh seseorang yang tidak dikenali dan ditujukan kepada seorang wanita yang sedang menunggu teks mungkin lebih kepada mengganggu keselesaan wanita tersebut, dan ia bukanlah suatu jenayah seperti kes membunuh tetapi ia lebih merupakan gangguan seksual.

“Sexual harassment is a very serious misconduct and in whatever form it takes, cannot be tolerated by anyone. In whatever form it comes, it lowers the dignity and respect of the person who is harassed, let alone affecting his or her mental and emotional well-being. Perpetrators who go unpunished, will continue intimidating, humiliating and traumatising the victim”.

- **Tan Sri Suriyadi Halim Omar**


Kes-kes seperti **Mohd Ghazali bin Yusoff Iwn Holiday Villa Hotel & Suites Alor Star [2014] 3 ILJ 203** dan **Harun Bin Yaakub Iwn RHB Bank Bhd [2017] 2 ILJ 9** membuktikan bahawa gangguan seksual banyak berlaku di tempat kerja. Walaupun di dalam kes-kes tersebut pelaku telah diturunkan pangkat ataupun ditamatkan pekhidmatannya, tetapi kesannya juga berlaku

“Calling your Malaysian colleague ‘sayang’ in the workplace now counts as sexual harassment”

Sumber Gambar: Mashable SEA Asia

Kes: Loganathan Maniam v Murphy

Sarawak Oil Co Ltd [2020] 2 IRL 275



kepada mangsa. Mangsa gangguan seksual berkemungkinan mengalami gangguan emosi, tidak selesa dan mungkin juga berada dalam keadaan ketakutan.

Ketidakselesaan, gangguan emosi, berasa malu atau hina dengan kata-kata usikan bukanlah jenayah besar tetapi ia adalah gangguan seksual yang memerlukan undang-undang khas untuk menangani isu-isu tersebut. Gangguan seksual akan memberi kesan terhadap mangsa terutamanya apabila mangsa mungkin menyalahkan diri sendiri di atas berlakunya gangguan seksual kepada mereka. Mangsa berkemungkinan akan menghadapi trauma atau mengalami kemurungan akibat daripada gangguan seksual tersebut.

Apabila mangsa telah berada di tahap kritikal seperti kemurungan, mangsa mungkin menghadapi kesukaran untuk pulih. Oleh itu, penting bagi mangsa untuk mendapatkan bantuan pihak yang berkenaan seperti kaunselor untuk mendengar luahan mangsa atau memberikan kata-kata nasihat dalam menghadapi kehidupan. Masyarakat sekeliling juga seharusnya bersikap terbuka, peka dan bersedia untuk membantu mangsa agar mereka tidak mengalami tekanan akibat daripada gangguan seksual tersebut.

Mangsa dinasihatkan untuk berani tampil dan berhubung dengan pihak berkuasa sekiranya berlaku gangguan seksual. Mangsa juga perlu bersedia dengan saksi-saksi serta bukti yang dapat membantu kesnya agar kes dapat diselesaikan dengan lebih mudah dan keputusan memihak kepada mangsa.

Sehingga tahun 2016, tiada kes yang dilaporkan memberi remedi sivil kepada mangsa seperti bayaran kerugian sehinggalah Mahkamah Persekutuan di dalam kes **Mohd Ridwan bin Abdul Razak v Asmah bt Hj Mohd Nor [2016], 4 MLJ 282** mengatakan bahawa mangsa boleh mendapatkan ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk daripada pelaku gangguan seksual dengan

syarat mangsa mempunyai bukti yang mencukupi.

Walau bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan juga mengatakan bahawa ianya bukanlah kehendak perundangan (legal requirement) untuk pertuduhan disokong atau dikuatkan oleh saksi pihak ketiga kerana keperluan ini akan membuatkan mangsa tidak berupaya untuk menyediakan saksi kerana kebanyakan gangguan seksual berlaku di tempat tersembunyi. Kes ini menunjukkan bahawa mahkamah prihatin terhadap mangsa gangguan seksual.

Tan Sri Suriyadi Halim Omar, Hakim Mahkamah Persekutuan di dalam kes tersebut menyatakan, *“Sexual harassment is a very serious misconduct and in whatever form it takes, cannot be tolerated by anyone. In whatever form it comes, it lowers the dignity and respect of the person who is harassed, let alone affecting his or her mental and emotional well-being. Perpetrators who go unpunished, will continue intimidating, humiliating and traumatising the victims thus resulting, at least, in an unhealthy working environment”*. Ini jelas menunjukkan bahawa gangguan seksual adalah perkara yang penting yang perlu diberi perhatian kerana ianya melibatkan maruah dan kehormatan mangsa.

Program seperti ‘Support Group’ penting dalam membantu mangsa pulih daripada kesan akibat gangguan seksual. Pertubuhan seperti Women’s Centre for Change Penang ada menyediakan platform untuk membantu mangsa seperti kaunseling secara bersemuka atau melalui atas talian. Mangsa hendaklah bersikap terbuka dalam mendapatkan nasihat serta bantuan agar mudah pulih daripada sebarang kesan gangguan seksual.

Pengendalian kes gangguan seksual bukanlah

## HAZLINA MOHD PADIL



[M hazli6749@uitm.edu.my](mailto:hazli6749@uitm.edu.my)

### PROFIL

Hazlina merupakan seorang pensyarah undang-undang di UiTM Kampus Seremban.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Aberystwyth University, United Kingdom dan seterusnya menerima Ijazah Sarjana Eksekutif dalam Undang-Undang Perniagaan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Sebelum berkhidmat sebagai pensyarah di UiTM, beliau memulakan kerjaya sebagai peguam terlebih dahulu dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang hartanah, litigasi sivil, perbankan dan korporat.

Beliau juga merupakan ahli *Associate (Chartered Secretary) (Chartered Governance Professional) of the Malaysian Institute of Chartered Secretary and Administrators*.

Hazlina kini sedang menyambung pengajian PhD dalam bidang Undang-Undang Syarikat di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah Undang-Undang Korporat, Undang-Undang Jenayah Kewangan, Undang-Undang Perniagaan dan Perdagangan.

Hazlina memiliki pelbagai bakat seperti menulis sajak dan cerpen, serta menggubah lagu. Lagu rasmi Sekolah Menengah Seri Ampangan adalah salah satu hasil ciptaan beliau yang masih didendangkan dari 1990 sehingga kini.



mudah kerana mangsa mungkin sensitif atau putus asa sekiranya tiada saksi yang tampil membantu mangsa. Mangsa juga mungkin takut untuk membuat laporan gangguan dalam keadaan pelaku adalah penyelia atau pengarah kepada mangsa di tempat kerja dan berkemungkinan akan mengambil tindakan terhadap mangsa.

Selain akta, Kementerian Sumber Manusia juga mengeluarkan **Kod ‘Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual Yang Berlaku Di Tempat Kerja’** bertujuan memberi garis panduan kepada majikan dalam mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja.

Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan garis panduan berhubung pengendalian gangguan seksual di tempat kerja ini. Institusi pendidikan seperti Universiti Teknologi MARA juga bersikap proaktif dalam menangani kes-kes gangguan seksual dengan mengeluarkan pekeliling seperti **Pekeliling Naib Canselor Bil. 28/2007** sebagai peringatan kepada pelajar dan kakitangannya mengenai larangan berkelakuan kurang sopan yang berunsurkan gangguan seksual.

Langkah yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam membawa **Rang Undang-Undang Gangguan Seksual** ke Parlimen seharusnya dipuji. Rang undang-undang yang berada di peringkat akhir penelitian Jabatan Peguam Negara dan diharapkan dapat dibentangkan di Parlimen seawal mungkin agar masalah gangguan seksual dapat dibendung secara menyeluruh dan pihak pendakwa tidak terlalu bergantung kepada **Kanun Keseksaan** atau akta-akta seperti **Akta Perhubungan Industri 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994** yang terhad penggunaannya kepada gangguan seksual di tempat kerja sahaja.